

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

melahirkan	cadangkan	Nama pilihan	menyambut	bersyukur
anggota keluarga	lembut	kesayangan	mengucapkan	kesihatan
kesejahteraan	mendoakan	buai	kelambu	tumbuh
senang hati	bersepakat	bersatu hati		

1. "Saya _____ Joseph menjadi pengerusi pada tahun ini," kata Chee Meng kepada Cikgu Chan.
2. Bapa _____ kerana ibu selamat melahirkan seorang bayi lelaki.
3. Bapa sedang memasang _____ untuk menyelubungi tempat tidur.
4. Emak baru _____ seorang adik yang comel pada hari ini.
5. Kami _____ untuk mengulang kaji di perpustakaan pada setiap Jumaat.
6. Kita perlu hormat-menghormati untuk mewujudkan _____ masyarakat.
7. Kita perlu selalu bersenam untuk menjaga _____.
8. Kulit adik yang baru lahir itu sangat _____ dan halus.
9. Lily _____ terima kasih kepada Cikgu Chan yang memujinya.
10. _____ yang ayah pilih untuk adik yang baru lahir sangat istimewa.
11. Nenek sedang mendodoikan cucu di dalam _____.
12. Pak Cik Ali berasa _____ kerana anaknya telah mendapat tawaran masuk ke universiti.
13. Pen Sin menjadi murid _____ guru kerana tingkah lakunya yang baik.
14. Pokok bunga yang ditanam oleh ibu _____ dengan subur.
15. Saya _____ semoga ahli keluarga saya sihat selalu.
16. Sekiranya kita _____, kerja yang berat akan menjadi ringan.
17. Semua _____ Pak Cik Chan akan berkunjung ke rumahnya sempena Tahun Baharu Cina ini.
18. Semua murid _____ kedatangan tetamu kehormat dengan tangan terbuka.